



Headline: 10 operator panggilan Macau Scam didakwa
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 13 June 2018

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 25

10 operator panggilan *Macau Scam* didakwa

KAMPAR 12 Jun - Sebanyak 10 operator panggilan sindiket penipuan *Macau Scam* didakwa di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas dua pertuduhan menipu membabitkan wang tunai berjumlah RM26,000 daripada seorang lelaki warga emas, empat bulan lalu.

Mereka ialah Jackie Lau Siew Kiat, 22; Liaw Wee Soon, 28; Lee Kian Yew, 32; Kenny Ling Leong Chuong, 27; Ooi Chin Leng, 31; Tee Kwee Ming, 19; Tan Ban Yap, 30; Phang Jun Wei, 19; Calvin Chan Wai Lam, 24, dan Dickson Chok Kim Leong, 19.

Kesemua tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Majistret Nur Faizah Muhamad Saleh.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa telah melakukan pakatan jahat dengan bersetuju antara satu sama lain untuk melakukan perbuatan menyalahi undang-undang untuk memperdaya Then Kim Yeem, 65, sehingga mendorong lelaki itu menyerahkan wang tunai berjumlah RM23,000.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mengulangi perbuatan serupa dengan memperdaya Kim Yeem sehingga mendorong

mangsa menyerahkan wang tunai berjumlah RM3,000.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di Ambank Bhd. cawangan Kampar antara pukul 12.45 tengah hari dan 1.31 petang, 5 Februari lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Kenneth Oon mengendalikan pendakwaan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 120B (1) kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 10 tahun, sebatan dan denda.

Kenneth mencadangkan jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan yang dihadapi oleh kesemua tertuduh berikutan kes tersebut melibatkan kepentingan orang awam.

Peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Hennie Soraya Hanafi memohon jaminan minimum berikutan ada antara anak guamnya itu yang telah didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur atas pertuduhan serupa, minggu lalu.

Nur Faizah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM14,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan dan menetapkan 4 Julai ini sebutan semula kes.



SEBANYAK 10 operator panggilan sindiket penipuan *Macau Scam* dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kampar, Perak, semalam.